

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak



## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



**LIVE** HD

**Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7**

**LIVE** HD

**Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6**



**LIVE** HD



**Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34**

**LIVE** HD

**LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37**



**Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22**





PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menganjurkan eTraining Live@PTAR kepada pasukan jawatankuasa teknikal siaran langsung pada 18 Mac 2021. Objektif utama penganjuran latihan ini adalah bagi melatih dan memberi tunjuk ajar mengenai cara penganjuran program secara siaran langsung yang akan dilaksanakan sendiri oleh pihak cawangan. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Alfarabie bin Mohd Nasir, Pustakawan Kanan dari PTAR UiTM Shah Alam. Seramai 7 orang jawatankuasa teknikal siaran langsung dari PTAR UiTM Cawangan Melaka telah terlibat. Taklimat telah disampaikan secara langsung atas talian melalui platform StreamYard.



### LIVE@PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA SIRI 3: SEGMENT BICARA BUKU: PINJAM, BACA, CERITA 18 MAC 2021

**KANDUNGAN BICARA BUKU**

Bahan Bacaan oleh Encik Ahmad Nazri

Bahan Bacaan oleh Encik Mohammed Zahari

Sesi Perbincangan dan Rumusan



<https://www.facebook.com/ptar-malacca/vid->



<https://www.youtube.com/watch?v=R74wG1Ct8BI>

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka telah menganjurkan program siaran langsung bagi siri 3 dengan tajuk Pinjam. Baca. Cerita. Program siaran langsung segmen bicara buku ini telah menjemput 2 orang panel untuk berkongsi dan mengupas hasil bacaan buku yang dibaca iaitu Encik Ahmad Nazri bin Jaafar, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan Encik Mohammed Zahari bin Zubir, Pembantu Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Moderator bagi program ini adalah Puan Maznah binti Maarof, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini merupakan program ujilari secara siaran langsung yang dilaksanakan sendiri oleh pasukan jawatankuasa teknikal siaran langsung PTAR UiTM Cawangan Melaka. Program ini bermula dari jam 10:00 pagi hingga 11:00 pagi dan bersiaran langsung melalui platform YouTube dan Facebook PTAR UiTM Cawangan Melaka. Seramai lebih 144 penonton turut sama menyaksikan siaran langsung ini.